



MALAYSIA

Ibu Pejabat JPS Malaysia



Surat Pekeliling JPS Bil. 6/1999

Pelaksanaan Strategi-Strategi Untuk Memapan Program Inovasi

1.0 Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan terhadap strategi-strategi dan tindakan yang berkenaan yang harus dilaksanakan untuk memapan program inovasi.

2.0 Latarbelakang

Inovasi yang berterusan adalah penting supaya jabatan dapat terus memberi perkhidmatan dalam persekitaran yang selalu berubah dan semakin kompetitif. Kepentingannya adalah jelas kerana ia juga telah dijadikan sebagai salah satu kriteria penilaian dalam Anugerah Kualiti Perdana Menteri.

Mengikut satu kajian yang dibuat baru-baru ini adalah didapati bahawa baik dari segi bilangan dan jenis projek inovasi, mahupun usaha peyergaman, program inovasi jabatan hanya berjalan dengan memuaskan sahaja. Untuk menjayakan program inovasi, dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian wawasan jabatan (**menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2010**), strategi-strategi untuk memapankan program inovasi telah pun digubalkan. Surat pekeliling ini disediakan supaya strategi-strategi dan tindakan yang berkenaan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

3.0 Konsep Inovasi

Untuk menjayakan program inovasi jabatan, konsep inovasi harus difahami dengan betul. **Inovasi** bukanlah **ciptaan** yang tidak pernah dibuat oleh sesiapa pun di dunia. Inovasi merupakan pengenalan teknologi, bahan, proses dan prosedur yang baru. Ia juga termasuk pengenalan teknologi ataupun bahan yang sedia ada secara baru. Inovasi boleh menjimatkan kos dan masa, meningkatkan hasil kerja dan tahap kepuasan hati pelanggan, serta mendatangkan faedah-faedah yang lain (sila rujuk PKPA Bil. 3/1991).

Selaras dengan strategi-strategi jabatan untuk memapankan program inovasi, mana-mana projek yang telah dilaksanakan oleh sesuatu JPS Daerah/Unit yang mana telah mendatangkan faedah-faedah seperti tersebut di atas adalah digelar **projek peningkatan kualiti**. **Projek inovasi** adalah ditakrifkan sebagai sesuatu projek peningkatan kualiti yang tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana JPS Daerah/Unit. Manakala **projek penambahbaikan** adalah ditakrifkan sebagai sesuatu projek peningkatan kualiti yang mana telah dilaksanakan oleh mana-mana JPS Daerah/Unit. Untuk mengenal pasti sama ada sesuatu projek peningkatan kualiti telah dilaksanakan, satu pangkalan data projek inovasi akan disediakan di JPS Malaysia.

4.0 Strategi-Strategi Untuk Memapankan Program Inovasi

Strategi-strategi yang telah digubalkan untuk memapan program inovasi adalah seperti berikut :

(a) **Projek peningkatan kualiti** diberi pengiktirafan.

- (b) **Program inovasi** dijadikan sebagai **satu agenda** dalam **Mesyuarat JPS Daerah/Unit, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Q JPS Negeri/Bahagian dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Q JPS Malaysia**.
- (c) **Majlis Persembahan Inovasi Peringkat JPS Malaysia** diadakan setiap tahun. JPS Daerah/Unit yang terpilih dijemput untuk mengambil bahagian dalam majlis tersebut dan projek inovasi yang berkenaan dipertimbangkan untuk dikemukakan kepada **MAMPU** untuk memohon **Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam**.
- (d) Setiap JPS Daerah/Unit dikehendaki melaksanakan sekurang-kurangnya satu **projek peningkatan kualiti** setiap tahun.

5.0 Tindakan

Untuk memastikan strategi-strategi tersebut di atas dilaksanakan dengan jayanya pihak-pihak yang berkenaan harus mengambil tindakan-tindakan seperti berikut dengan berpandukan kepada mekanisme dalam **Lampiran A (Mekanisme Untuk Memapan Program Inovasi)** :

(a) JPS Daerah/Unit

- (i) Setiap JPS Daerah/Unit dikehendaki mengenal pasti dan melaksanakan sekurang-kurangnya satu **projek peningkatan kualiti** setiap tahun. Projek berkenaan juga dikehendaki dimasukkan ke dalam **Borang SKT** bagi semua yang terlibat.
- (ii) Menyedia laporan projek peningkatan kualiti dalam format seperti dalam **Lampiran B** dan mengemukakan laporan yang tersebut kepada **Penyelaras Q JPS Negeri/Bahagian** pada **bulan Feb. setiap tahun** supaya ia boleh dikategorikan sebagai **projek penambahbaikan ataupun projek inovasi**.
- (iii) Mengemaskan laporan bagi projek inovasi untuk dikemukakan kepada **Penyelaras Q (Program Inovasi) yang berurusetia di Bahagian Khidmat Pakar** untuk mengambil bahagian dalam **Majlis Persembahan Inovasi Peringkat JPS Malaysia**, dan untuk dikemukakan kepada **MAMPU** bagi memohon **Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam** pada tahun yang berikutnya.

(b) Penyelaras Q JPS Negeri/Bahagian

- (i) Memberi panduan dan nasihat kepada JPS Daerah/Unit dalam melaksanakan **projek peningkatan kualiti**.
- (ii) Mempastikan JPS Daerah/Unit mengemukakan laporan projek peningkatan kualiti pada **bulan Feb. setiap tahun**.

- (iii) Menilai projek peningkatan kualiti untuk dikategorikan sebagai **projek penambahbaikan** ataupun **projek inovasi** dan menyediakan laporan perakuan untuk dibentangkan kepada **Jawatankuasa Pemandu Q JPS Negeri/Bahagian** pada **bulan April setiap tahun.**
- (iv) Mengemukakan laporan perakuan yang telah dipersetujui oleh **Jawatankuasa Pemandu Q JPS Negeri/Bahagian** kepada **Penyelaras Q (Program Inovasi)** yang berurusetia di **Bahagian Khidmat Pakar** pada **bulan April setiap tahun.**
- (v) Menyedia dan mengemaskinikan **pangkalan data bagi projek penambahbaikan dan projek inovasi** untuk JPS Negeri/Bahagian.

(c) Jawatankuasa Pemandu Q JPS Negeri/Bahagian

- (i) Memantau dan menilai pelaksanaan program inovasi JPS Negeri/Bahagian.
- (ii) Mempertimbangkan dan menerima laporan perakuan mengenai projek penambahbaikan dan projek inovasi yang dibentangkan oleh **Penyelaras Q JPS Negeri/Bahagian (bulan April)**.
- (iii) Mempastikan supaya JPS Daerah/Unit yang terpilih akan mengambil bahagian dalam **Majlis Persembahan Inovasi Peringkat JPS Malaysia**, dan projek inovasi yang berkenaan dikemukakan kepada **Penyelaras Q (Program Inovasi)** untuk dipertimbangkan bagi memohon **Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam.**
- (iv) Mempastikan program inovasi yang dilaksanakan adalah selaras dengan keputusan **Jawatankuasa Pemandu Q JPS Malaysia.**

(d) Penyelaras Q (Program Inovasi)

- (i) Mempastikan laporan perakuan mengenai projek penambahbaikan dan projek inovasi yang disediakan oleh JPS Negeri/Bahagian dapat diterima pada **bulan April setiap tahun.**
- (ii) Membantu **Petugas Q Inovasi** dalam mengkaji semula dan menyediakan laporan perakuan mengenai projek penambahbaikan dan projek inovasi pada **bulan Mei setiap tahun.**

- (iii) Mempastikan semua projek inovasi yang telah dikemaskan dapat diterima pada **bulan Ogos setiap tahun** supaya segala persiapan untuk Majlis Persembahan Inovasi Peringkat JPS Malaysia dapat dibuat.
- (iv) Mempastikan semua projek inovasi yang telah dikemaskan dapat diterima pada **bulan Mac (pada tahun yang berikutnya)** untuk dikemukakan kepada **MAMPU** bagi memohon Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam.
- (v) Menyedia dan mengemaskinikan **pangkalan data bagi projek penambahbaikan dan projek inovasi** untuk JPS Malaysia.

(e) Jawatankuasa Pemandu Q JPS Malaysia

- (i) Memantau dan menilai pelaksanaan program inovasi jabatan
- (ii) Mempertimbangkan laporan perakuan yang di bantangkan oleh Petugas Q Inovasi dan membuat keputusan muktamad mengenai projek penambahbaikan dan projek inovasi (**bulan Jun**).
- (iii) Menggubal dasar dan strategi.
- (iv) Mempastikan dasar dan strategi dilaksanakan.

6.0 Kuatkuasa


Arahan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
CINTAILAH SUNGAI KITA**

(Dato' Ir. Hj. Keizrul B. Abdullah)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia

Bil. Fail () dlm.PPS.10/4/2 CUB Jld. 3
Julai 1999



Lampiran A :Mekanisme Untuk Memapan Program Inovasi

FORMAT MELAPOR PERUBAHAN

1. KETERANGAN TENTANG ORGANISASI DI MANA SESUATU PROGRAM PERUBAHAN DILAKSANAKAN

- (a) Nama Kementerian/Jabatan/Bahagian/Unit
- (b) Objektif Kementerian/Jabatan/Bahagian/Unit
- (c) Saiz organisasi : orang

2. KEADAAN SEBELUM PROGRAM PERUBAHAN DILAKSANAKAN

Sila huraikan secara ringkas tentang keadaan sebelum sesuatu program perubahan dilaksanakan. Sila juga sertakan gambar-gambar yang menunjukkan keadaan yang berkaitan.

3. MASALAH YANG DIHADAPI

Sila nyatakan dengan jelas masalah-masalah utama yang dihadapi oleh peringkat organisasi yang melaksanakan program perubahan.

4. KETERANGAN TENTANG PROGRAM PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN

Sila terangkan program perubahan yang telah dilaksanakan secara terperinci dengan memberi butir-butir seperti berikut :-

- (a) Deskripsi program dari segi kandungan, strategi, keluaran atau perkhidmatan baru
- (b) Bidang utama yang menjadi tumpuan program perubahan. Perubahan boleh berlaku di bidang-bidang tertentu seperti pembangunan tenaga manusia, gaya pengurusan, teknologi, struktur organisasi, persekitaran kerja, sistem dan prosedur, bahan-bahan, kelengkapan model, dan lain-lain

Contoh : Di bawah Sistem Kad Pesakit Luar bercorak Home-Based yang diperkenalkan oleh Pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Sarawak, pesakit-pesakit luar menyimpan kad-kad rawatan dan membawanya apabila datang ke klinik untuk mendapat rawatan. Perubahan ini boleh dikategorikan dalam bidang sistem dan prosedur

- (c) Butir-butir lain seperti tarikh program dimulakan, bilangan anggota yang terlibat, jumlah kos operasi yang terlibat, jenis bantuan yang diperolehi daripada pihak luar seperti pakarunding (jika ada);
- (d) Keadaan masalah selepas pelaksanaan program perubahan. Sila sertakan gambar-gambar yang menunjukkan keadaan selepas program perubahan dilaksanakan.

5. HASIL DAN FAEDAH

Sila nyatakan hasil-hasil dan faedah-faedah yang dinikmati dari program perubahan yang telah dilaksanakan. Hasil dan faedah dari segi :

(a) Pengurangan Kos Operasi

Sila nyatakan jumlah kos operasi yang telah dapat dikurangkan.

Contoh : Pelaksanaan pendekatan bergabung dalam penyediaan rancangan-rancangan struktur bagi beberapa Pihak Berkuasa Tempatan secara serentak oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Cawangan Selatan telah berjaya mengurangkan kos penyediaan Rancangan-rancangan Struktur Johor Baru Barat daripada \$16.8 juta kepada \$1.8 juta.

(b) Penjimatan Masa

Sila nyatakan setakat mana masa untuk menjalankan sesuatu urusan dapat dijimatkan.

Contoh: Pelaksanaan Sistem Kad Pesakit Luar Bercorak Home-Based oleh Pejabat Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Sarawak di Mosque Road Polyclinic, Kuching telah berjaya mengurangkan masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan daripada 2 jam kepada 1 jam 20 minit.

(c) Peningkatan Hasil

Sila nyatakan setakat mana hasil kerja dapat dipertingkatkan

Contoh: *Penubuhan Skuad Khidmat Cepat telah membolehkan Jabatan Buruh meningkatkan bilangan lawatan menjejut ke tempat pekerjaan daripada 230 lawatan sebulan pada 1989 kepada 272 sebulan pada 1991.*

(d) Peningkatan Dalam Tahap Kepuasan Hati Pelanggan

Sila nyatakan sejauh mana tahap kepuasan hati pelanggan dapat dipertingkatkan

Contoh: *Pelaksanaan Gerakan Inovasi oleh Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah menyebabkan jumlah penonton TV1 dan TV2 meningkat sebanyak 2.9% daripada 9,276,900 penonton pada tahun 1990 kepada 9,550,300 penonton pada tahun 1991.*

(e) Lain-lain Faedah

Sila nyatakan lain-lain faedah seperti pengurangan dalam bilangan tenaga manusia yang terlibat, peningkatan dalam kutipan hasil, dan lain-lain yang dinikmati hasil daripada pelaksanaan program perubahan.

Contoh 1: *Penggunaan Resit Letak Kereta Bermusim oleh Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang Darul Makmur telah berjaya mengurangkan bilangan orang attenden letak kereta daripada seramai 80 orang keapda 65 orang sahaja.*

Contoh 2: *Pelaksanaan gerakan Inovasi oleh Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah membolehkan jumlah kutipan hasil melalui iklan radio meningkat daripada \$8.4 juta pada tahun 1990 keapda \$22.2 juta pada tahun 1991*

6. FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

Sila senaraikan faktor-faktor yang menjayakan program penubuhan

7. PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEHI

Sila huraikan secara ringkas pembelajaran-pembelajaran yang diperolehi daripada pelaksanaan program perubahan.